

04/10/2001

Asean wajar atasi syak wasangka terhadap Islam

KUALA LUMPUR, Rabu - Asean perlu sepakat dalam menangani sentimen syak wasangka terhadap umat Islam yang semakin memuncak selepas serangan pengganas di Amerika Syarikat.

Pengarah Penyelidikan dan Penerbitan Institut Diplomasi dan Hubungan Antarabangsa (IDFR) Dr Sharifah Munirah Alatas, berkata persefahaman itu penting kerana negara Islam mempunyai pengaruh kuat dalam pertubuhan serantau itu.

"Jika tiada persefahaman dalam menangani sentimen berkenaan, keutuhan Asean akan goyang," katanya kepada Berita Harian di sini, hari ini.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, berikutan serangan ke atas Pusat Dagangan Dunia New York dan Washington, pelancong Islam diasing dan disoal siasat kerana dilihat berpotensi sebagai pengganas.

Dalam program In Conversation yang disiarkan TV3 malam tadi, Dr Mahathir turut berkata, ia menjadi satu serangan terhadap umat Islam atau syak wasangka terhadap Islam walaupun ada pengganas bukan Islam, seperti kumpulan Aum Shirikyo, pengganas Hindu dan Yahudi.

(END)